



**GARIS PANDUAN INSTITUT KESIHATAN
NEGARA (*NATIONAL INSTITUTES OF
HEALTH-NIH*) MENGENAI PERMOHONAN
GERAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Versi 3.0, 5 Mei 2017)**

**Institut Kesihatan Negara
(*National Institutes of Health*)
Kementerian Kesihatan Malaysia**

AKRONIM

KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
MRG	-	MOH Research Grant (Geran Penyelidikan KKM)
NIH	-	National Institutes of Health (Institut Kesihatan Negara)
R&D	-	Research and Development (Penyelidikan dan Pembangunan)
JPP-NIH	-	Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan – NIH
JEPP	-	Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan
ACUC	-	Animal Care and Use Committee (Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Makmal)
NMRR	-	National Medical Research Register

KANDUNGAN

	Muka surat
BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN	
1.1 Tujuan	1
1.2 Definisi	1
1.3 Objektif	1
1.4 Kluster Penyelidikan	1
Syarat-syarat Permohonan	2
1.5 Keutamaan Dalam Penilaian Projek	2
1.6 Tanggungjawab Ketua Projek	2
1.7 Agihan dan Skop Peruntukan	3
1.8 Pindaan Agihan Peruntukan	4
1.9 Penyelidikan Kolaborasi	5
1.10 Hak Milik dan Kegunaan Peralatan Penyelidikan	5
1.11 Harta Milik Harta Intelekt	5
1.12 Penerbitan dan Pembentangan	5
1.13 Pelanjutan Tempoh Penyelidikan	6
BAHAGIAN 2: PERMOHONAN	
2.1 Proses Permohonan	7
BAHAGIAN 3: PENILAIAN	
3.1 Penilaian	8
3.1.1 JPP-NIH	8
3.1.2 JEPP	8
3.1.3 ACUC	8
3.1.4 Jawatankuasa Panel Penilaian Geran KKM	8
BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN	
4.1 Implementasi Projek	9
4.2 Pemantauan Projek	9
4.3 Penamatan Geran	10
BAHAGIAN 5: KEPUTUSAN	
5.1 Pemberitahuan Keputusan dan Agihan Peruntukan	11

BAHAGIAN 1 PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan proses permohonan dan syarat-syarat untuk mendapat pembiayaan geran penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis panduan ini perlu dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 10/2015: Garispanduan Institut Kesihatan Negara Mengenai Penyelidikan di Institut dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (pindaan 01/2015) bertarikh 21 Oktober 2015.

1.2 DEFINISI

Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia atau singkatannya MRG, merupakan peruntukan yang menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) berkaitan dengan bidang kesihatan berdasarkan bidang keutamaan (*priority areas*) yang telah ditetapkan oleh KKM bagi meningkatkan tahap kesihatan dan penambahbaikan perkhidmatan penyampaian kesihatan.

1.3 OBJEKTIF

Objektif MRG adalah:-

- 1.3.1 Menjana pengetahuan saintifik baharu bagi meningkatkan tahap kesihatan dan penambahbaikan perkhidmatan penyampaian kesihatan.
- 1.3.2 Menyokong dan membiayai projek *R&D* bagi menjana pengetahuan dan penemuan baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi dan proses yang inovatif.

1.4 KLUSTER PENYELIDIKAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

MRG meliputi asas yang dapat menyokong kluster penyelidikan yang telah ditetapkan selaras dengan bidang keutamaan KKM di Rancangan Malaysia yang dikemaskini setiap 5 tahun.

MRG terbuka kepada warga Kementerian Kesihatan Malaysia dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.4.1 Ketua Projek mestilah warga KKM,
- 1.4.1 Tempoh pembiayaan penyelidikan tidak melebihi tiga (3) tahun;
- 1.4.2 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengetuai dan mengemukakan hanya dua (2) permohonan projek sahaja pada satu masa;
- 1.4.3 Penyelidik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi penyelidik bersama;
- 1.4.4 Ketua Projek yang berpindah jabatan/ meletakkan jawatan/ cuti belajar hendaklah melepaskan peranan sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan. Ketua Projek perlu memaklumkan kepada NIH secara bertulis dan menamakan Ketua Projek yang baharu.

1.5 KEUTAMAAN DALAM PENILAIAN PROJEK

- 1.5.1 Penyelidikan yang dapat menyokong dan menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada mengikut keperluan KKM; atau
- 1.5.2 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kesihatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 1.5.3 Penyelidikan hendaklah mengenalpasti dan mendapat sokongan pihak berkepentingan (*stakeholder*) KKM
- 1.5.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada pelan strategik negara.

1.6 TANGGUNGJAWAB KETUA PROJEK

- 1.6.1 Ketua Projek bertanggungjawab dalam menjalankan projek penyelidikan yang telah diluluskan.
- 1.6.2 Ketua Projek hendaklah menandatangani dokumen **Aku Janji Ketua Projek. Lampiran 1.**
- 1.6.3 Ketua Projek mestilah memastikan projek dijalankan secara efektif bagi mencapai objektif dan *milestones* dalam tempoh masa yang telah ditetapkan serta peruntukan yang diluluskan;
- 1.6.4 Ketua Projek hendaklah membentangkan hasil penyelidikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholder*)

- 1.6.5 Mengemukakan setiap laporan kemajuan projek setiap 6 bulan kepada NIH
- 1.6.6 Mengemukakan laporan perbelanjaan peruntukan penyelidikan setiap bulan kepada NIH

1.7 AGIHAN DAN SKOP PERUNTUKAN

Agihan peruntukan penyelidikan dibuat sehingga Jun setiap tahun. Sebarang permohonan yang diluluskan selepas Jun akan disalurkan pada tahun berikutnya. Perbelanjaan untuk hadir ke seminar atau konferens tidak dibenarkan.

Peruntukan boleh digunakan berdasarkan kategori yang berikut;

1.7.1 Perjalanan dan Pengangkutan

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

1.7.2 Perhubungan dan Utiliti

Semua bayaran berkenaan dengan pos (tidak termasuk pos bungkusan), telefon, teleks, telegraf, kabel dan sebagainya bagi tujuan perhubungan.

1.7.3 Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.7.4 Bekalan Bahan-Bahan Makanan dan Minuman

Perbelanjaan yang merangkumi pembelian bahan-bahan makanan dan minuman.

1.7.5 Bekalan Bahan Mentah

Perbelanjaan yang merangkumi pembelian gas dan petrol bagi tujuan penyelidikan.

1.7.6 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan semua bekalan dan bahan-bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

Pembelian peralatan iaitu Aset Bernilai Rendah (ABR) dengan perolehan tidak melebihi RM2,000.00 dan mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa.

1.7.7 Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

Perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap peralatan, kenderaan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan.

1.7.8 Perkhidmatan Ikhtisas

Perbelanjaan meliputi lain-lain perkhidmatan seperti percetakan, hospitaliti, honorarium, *reimbursement* kepada subjek kajian, perkhidmatan profesional, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Kesemua yang dinyatakan mestilah mematuhi prosedur kewangan sediaada dan yang dibenarkan.

1.7.9 Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi koslatihan yang berkaitan dengan projek penyelidikan dalam negara sahaja.

1.7.10 Pegawai Sambilan Harian(PSH)

Merangkumi gaji dan elaun pekerja sambilan harian yang terlibat secara langsung dan dilantik sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan. Pelantikan PSH hendaklah mematuhi pekeliling sedia ada.

1.7.11 Peralatan dan Aksesori

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Nota: Setiap peralatan/ perisian mestilah diperincikan dengan justifikasi, spesifikasi dan kos anggaran (RM).

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan. Sekiranya keperluan melebihi dari yang dibenarkan, permohonan perlu memberikan justifikasi, spesifikasi, sebut harga dan anggaran kos untuk pembelian berkenaan.

1.8 PINDAAN AGIHAN PERUNTUKAN

Sebarang pindaan peruntukan perlu mendapat kelulusan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), merangkap Pengerusi Panel Penilaian Geran Penyelidikan KKM. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke NIH bagi proses kelulusan seperti di **Lampiran 2**.

1.9 PENYELIDIKAN KOLABORASI

Penyelidikan kolaborasi perlu menandatangani perjanjian penyelidikan (*Research Agreement*) yang diluluskan oleh Penasihat Undang-Undang antara Kerajaan Malaysia dan pihak lain.

Perjanjian penyelidikan juga diperlukan bagi projek penyelidikan yang melibatkan kolaborasi dengan pihak luar dari Kementerian Kesihatan Malaysia seperti pihak universiti, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan lain-lain lagi.

1.10 HAK MILIK DAN KEGUNAAN PERALATAN PENYELIDIKAN

Kesemua peralatan yang dibeli di bawah projek penyelidikan adalah menjadi hak milik dan tanggungjawab jabatan. Sebarang pengurusan dan pelupusan aset mestilah mengikut prosedur yang ditetapkan.

1.11 HAK MILIK HARTA INTELEK

Bagi projek yang dibiayai oleh geran penyelidikan KKM, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa.

Harta Intelek hasil geran penyelidikan KKM menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan jabatan.

Pengurusan harta intelek adalah dibawah tanggungjawab penyelidik melalui jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan. Hal-hal yang berkaitan adalah tertakluk kepada dasar dan pekeliling yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

1.12 PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN

Semua penerbitan dan pembentangan hasil penyelidikan perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 10 Tahun 2015. Permohonan kelulusan penerbitan dan pembentangan boleh dimohon melalui NIH.

1.13 PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN

Permohonan perlanjutan tempoh projek mestilah dikemukakan kepada NIH sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek dengan menggunakan borang yang berkenaan, seperti di **Lampiran 3**. Permohonan perlanjutan hanyalah dibenarkan sekali sahaja. Tempoh maksimum perlanjutan projek adalah tidak melebihi 12 bulan berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

BAHAGIAN 2 PERMOHONAN

2.1 PROSES PERMOHONAN

Permohonan MRG boleh dikemukakan sepanjang tahun berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 10/2015 dan Garis Panduan Institut Kesihatan Negara (NIH) Mengenai Penyelidikan di Institusi dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia melalui sistem *National Medical Research Register*, NMRR.

BAHAGIAN 3 PENILAIAN

3.1 PENILAIAN

Penilaian projek Penyelidikan terdiri daripada 3 peringkat penilaian seperti berikut:

3.1.1 Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan – Institut Kesihatan Negara (JPP-NIH)

Pengerusi dan ahli Panel JPP-NIH dilantik oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), KKM.

Semua permohonan peruntukan Geran Penyelidikan KKM akan dinilai oleh Panel JPP-NIH. Jawatankuasa akan menilai dan menyokong cadangan permohonan berdasarkan merit objektif penyelidikan, kesesuaian metodologi penyelidikan, kebolehpayaan pasukan penyelidik dan keberkesanan kos peruntukan penyelidikan.

Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.1.2 Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (JEPP)

Pengerusi dan ahli JEPP dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan ahli-ahlinya terdiri daripada pakar dalam disiplin tertentu dari KKM dan universiti, wakil Akademi Perubatan Malaysia, ahli farmasi, pegawai undang-undang, jururawat, juruteknologi makmal perubatan dan lain-lain lagi.

3.1.3 Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Makmal (ACUC)

Jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai veterinar, pegawai perubatan dan pegawai penyelidik dan pelbagai kategori pegawai lain yang dikenalpasti dan bersesuaian daripada IMR, universiti-universiti tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

3.1.4 Jawatankuasa Panel Penilaian Geran Penyelidikan KKM

Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan KKM dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), KKM. Projek yang telah dinilai oleh Panel JPP-NIH dan mendapat kelulusan JEPP akan di bawa untuk penilaian Panel Geran.

Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan KKM adalah muktamad.

BAHAGIAN 4 PEMANTAUAN

4.1 IMPLEMENTASI PROJEK

Semua projek mestilah dijalankan berdasarkan metodologi dan peruntukan serta tempoh masa berdasarkan proposal yang dihantar dan diluluskan. Implementasi projek akan dipantau dari aspek:-

- (i) Prestasi kewangan;
- (ii) Prestasi projek; dan
- (iii) *Outcome / Output*

4.2 PEMANTAUAN PROJEK

4.2.1 Ketua Projek bertanggungjawab untuk melengkapkan dan menghantar laporan kewangan dan prestasi projek penyelidikan di bawah seliaannya seperti berikut:-

- (i) Laporan Kewangan
Laporan Kewangan projek penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan KKM;
 - diisi oleh setiap Ketua Projek;
 - dihantar kepada NIH; dan;
 - dihantar setiap hujung bulandengan menggunakan borang yang berkenaan. **(Lampiran 4)**
- (ii) Laporan Prestasi Projek
Laporan prestasi projek penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan KKM;
 - untuk diisi oleh setiap Ketua Projek;
 - dihantar kepada NIH; dan;
 - laporan perlu dihantar setiap setengah tahun iaitu 15 Julai dan 15 Januari tahun yang berikutnya dengan menggunakan borang yang berkenaan. **(Lampiran 5)**
- (iii) Laporan Pemantauan Hasil Penyelidikan
Laporan Pemantauan Hasil projek penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan KKM;
 - untuk diisi oleh setiap Ketua Projek;
 - dihantar kepada NIH; dan;
 - laporan perlu dihantar setiap suku keempat iaitu sebelum 15 Januari tahun berikutnya. **(Lampiran 6)**

- (iv) Laporan Tamat Projek
Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar secara *softcopy* dan/atau *hardcopy* dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek tamat dengan melengkapkan borang yang berkenaan. **(Lampiran 7)**

4.3 PENAMATAN GERAN

- 4.3.1 Setiap Ketua Projek perlu memastikan pelaksanaan projek mengikut kod etika penyelidikan yang telah ditetapkan oleh *National Science Council* melalui garis panduan *Malaysian Code of Responsible Conduct (MCRC)*.
- 4.3.2 Sebarang pelanggaran kepada kod etika tersebut, boleh membawa kepada penamatan geran.

BAHAGIAN 5 KEPUTUSAN

5.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 5.1.1 Surat kelulusan projek penyelidikan dan peruntukan akan dihantar kepada Ketua Projek dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Ketua Jabatan.
- 5.1.2 Peruntukan akan disalurkan kepada Ketua Projek melalui jabatan berkaitan .
- 5.1.3 Keputusan Penilaian Geran Penyelidikan adalah muktamad.



AKU JANJI KETUA PROJEK
National Institutes of Health (Institut Kesihatan Negara),
Kementerian Kesihatan Malaysia



Bahawasanya, saya, **[Nama Penuh]** _____ **[No Kad Pengenalan]** _____
_____ seorang warganegara Malaysia dan kini berkhidmat di **[Nama Institut/ Hospital/ Bahagian]**
_____ dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku janji
seperti berikut:

- a. Bersetuju untuk menerima Geran Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjumlah **RM** _____ bagi projek penyelidikan yang akan dijalankan oleh saya sebagai Ketua Projek bagi kajian **[NMRR ID]** _____ **[Tajuk Projek]** _____

_____ dari tahun _____ **[mm-yyyy]** hingga _____ **[mm-yyyy]**;
- b. Bahawa saya akan sentiasa menjalankan projek penyelidikan dalam tempoh yang telah diluluskan dengan cermat, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- c. Bahawa saya akan membelanjakan peruntukan dengan berhemah mengikut undang-undang dan peraturan- peraturan kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- d. Mencalonkan pengganti sebagai Ketua Projek jika berpencen atau meninggalkan perkhidmatan dan akan berusaha memastikan projek berjalan dengan lancar sehingga projek tamat;
- e. Memastikan semua Laporan Kewangan, Laporan Kemajuan Projek dan laporan yang diperlukan dan ditetapkan oleh Institut Kesihatan Negara (*National Institutes of Health*) dikemukakan pada masa dan tarikh yang ditetapkan berdasarkan garis panduan yang berkuat kuasa;
- f. Mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kesihatan sebelum menerbitkan sebarang diseminasi atau sebaran hasil penyelidikan melalui penulisan, pengiklanan, pembentangan atau untuk disiarkan di media massa/ media sosial; dan
- g. Memastikan semua hak cipta dan harta intelek milik serta rahsia Kerajaan terpelihara walaupun selepas Projek tamat.

Diperakukan oleh;

Nama Ketua Projek:

No KP:

Tandatangan:

Tarikh:

Di hadapan saya, **[Pengarah Institut / Hospital / Bahagian]**

Nama:

No KP:

Tandatangan:

Tarikh:

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)

BORANG PERMOHONAN PINDAAN AGIHAN PERUNTUKAN

(A) MAKLUMAT PERMOHONAN			
TAHUN KEWANGAN :			
Ketua Projek:			
Institut/Jabatan:			
Emel:		No. Telefon:	
NMRR ID:		Kod Projek JPP-NIH:	
Jumlah Peruntukan Tahun Semasa (RM)		Baki Peruntukan Semasa (RM)	

Kategori	(B) PINDAHAN PERUNTUKAN			
	Pecahan Asal (RM)	Pengurangan (RM)	Penambahan (RM)	Pecahan Terkini (RM)
Perjalanan & Sara Hidup				
Perhubungan dan Utiliti				
Sewaan				
Bahan Makanan & Minuman				
Bekalan Bahan Mentah				
Bekalan & Bahan Penyelidikan				
Penyelenggaraan & Pembaikan				
Perkhidmatan				
Pekerja Sambilan Harian (PSH)				
Harta Modal/Aset				
Lain-lain (sila nyatakan)				
JUMLAH				

(C) JUSTIFIKASI PERMOHONAN

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)**BORANG PERMOHONAN PINDAAN AGIHAN PERUNTUKAN****PERAKUAN KETUA PROJEK**

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)**PERAKUAN PENGARAH INSITUT/ HOSPITAL / BAHAGIAN**

Permohonan ini disokong / tidak disokong

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)**PERAKUAN NIH**

Permohonan ini disokong / tidak disokong

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)**(F) KELULUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL)**

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)**BORANG PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN**

MAKLUMAT KETUA PROJEK DAN PROJEK PENYELIDIKAN			
Ketua Projek:			
Institut/Jabatan:			
Emel:		No. Telefon:	
NMRR ID:		Kod Projek JPP-NIH:	
Tajuk Projek:			
Jumlah Peruntukan Keseluruhan (RM)		Baki Peruntukan (RM)	

PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN			
1) Maksimum tempoh pelanjutan adalah 12 bulan sahaja 2) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Geran, NIH tiga (3) bulan sebelum tamat projek 3) Permohonan mestilah disertakan sekali dengan Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan dan Gantt Chart asal dan terkini.			
Tarikh Mula Projek:		Tarikh Tamat Asal:	
Tarikh Tamat Dipohon:		Berapa Bulan:	

JUSTIFIKASI PERMOHONAN
PERAKUAN KETUA PROJEK

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)

BORANG PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN

PERAKUAN PENGARAH INSITUT / HOSPITAL / BAHAGIAN

Permohonan ini disokong / tidak disokong

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)

PERAKUAN BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN GERAN

Permohonan ini disokong / tidak disokong

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)

KELULUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL)

Permohonan ini diluluskan / tidak diluluskan

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi)

LAPORAN KEWANGAN

A. NMRR ID:

TAJUK PROJEK:

.....

NAMA KETUA PROJEK:

NO TELEFON: NO FAKS:

E-mail:

TARIKH:TANDATANGAN:

B. PERBELANJAAN TERKUMPUL BERAKHIR

TAHUN:

BULAN (sila / pada yang berkenaan):

Januari

Mei

September

Februari

Jun

Oktober

Mac

Julai

November

April

Ogos

Disember

Kategori	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Terkumpul (RM)
Perjalanan dan Pengangkutan		
Perhubungan Dan Utiliti		
Sewaan		
Bahan-bahan Makanan dan Minuman		
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan		
Bekalan dan Bahan Penyelidikan		
Selenggaraan Dan Pembaikan Kecil		
Khidmat Ikhtisas		
Pegawai Sambilan Harian (PSH) / Research Assistant (RA)		
Harta Modal		
TOTAL		

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)

LAPORAN PRESTASI PROJEK

A. NMRR ID:

TAJUK PROJEK:

.....

.....

NAMA KETUA PROJEK:

NO TELEFON.: NO FAKS:

E-mail:

TARIKH: TANDATANGAN:

B. KEMAJUAN PROJEK

Nyatakan kemajuan setiap aktiviti penyelidikan (merujuk kepada jadual projek asal).

*Kemajuan hendaklah dilaporkan di dalam terma yang boleh diukur,; seperti bilangan sampel yang telah dikumpulkan, bilangan analisis yang telah dilakukan, dsb.

Tahun:.....

Tempoh: Jan-Jun

Jul-Dis

Nyatakan status terkini projek:

- Berjalan (*Ongoing*)
- Ditamatkan (*Terminated*)
- Terbengkalai (*Abandoned*)
- Digantung (*Suspended*)
- Selesai (*Completed*)

Sekiranya projek ditamatkan/terbengkalai/digantung, sila nyatakan sebab

Tajuk aktiviti:

Kemajuan (*sila nyatakan sebab sebarang kelewatan)

Nota: ulang ruangan ini bagi setiap aktiviti yang dijadualkan bagi tempoh di atas.

Sila lampirkan jadual projek yang telah dikemaskini sekiranya terdapat perubahan berbanding jadual asal

C. PENCAPAIAN MILESTONE

Tajuk milestone:

.....

Status: **TERCAPAI** **TIDAK TERCAPAI** *(sila lengkapkan ruangan C1, C2, C3 and C4)*

C1. Faktor ketidakcapaian *(sila nyataka sebab)*

C2. Cadangan pelarasan *(sila nyatakan pelarasan yang dilakukan)*

C3. Impak kepada jadual projek *(sila lampirkan jadual projek yang dikemaskini, jika berkenaan)*

Tarikh kemaskini milestone:

Tarikh baru projek selesai:..... Tarikh asal:

C4. Impak kepada peruntuka projek *(sila lampirkan peruntukan yang telah disemak semula jika berkenaan)*

Peruntukan yang diluluskan : RM

Peruntukan selepas semakan semula : RM

Tarikh :

Tandatangan:

BORANG LAPORAN PEMANTAUAN HASIL PENYELIDIKAN

ARAHAN

1. Laporan ini bertujuan untuk memantau hasil penyelidikan setiap projek bermula sehingga projek tamat.
2. Laporan ini hendaklah dihantar setiap suku keempat iaitu **sebelum 15 Januari tahun berikutnya.**

MAKLUMAT PROJEK PENYELIDIKAN

Kod JPP-NIH: _____ NMRR: _____

Tajuk Projek: _____

Ketua Penyelidik: _____

Tarikh Mula (mmm-yy) : _____ Tarikh Tamat (mmm-yy): _____

Jumlah Peruntukan (RM): _____

HASIL-HASIL PENYELIDIKAN

1. PENERBITAN: _____

You CH, Lee KY, Chev RY, Menguy R (1980). Electrogastrographic study of patients with unexplained masses, bloating and vomiting. *Gastroenterology* 79(2):311-314.

No	Tajuk	Status
1.		
2.		
3.		

Status:

DGA : DG Approval :setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan

SUB : Submitted to Journal Editor

ACC : Accepted / In-Press

PUB : Published

2. LAPORAN TEKNIKAL: _____

Public Health Institute, Ministry of Health. National Health and Morbidity Survey (1986-1987): Purpose, scope and methodology. Malaysia, Kuala Lumpur, 1987. (ISBN No)

No	Tajuk
1.	
2.	
3.	

3. PEMBENTANGAN LISAN: _____

Mazlan AB, Kamal A, Susila R. Contribution of Health Research Towards National Health Development. Paper presented at the 2nd Health Research Seminar. Kuala Lumpur, 12- 14 July 2005.

No	Tajuk
1.	
2.	

4. PEMBENTANGAN POSTER: _____

Noraznawati I, Ho TM, Nathan S, Wan KL. Identification of recombinant clones of house dust mites, *S. pontifica*. Poster presented at 11th National Biotechnology Seminar, Malacca, 10 – 12 November 2005.

No	Tajuk
1.	
2.	

5. LAIN-LAIN; nyatakan: _____

No	Tajuk
1.	
2.	

Disediakan oleh:

Tandatangan dan Cop Rasmi Ketua Projek;

(_____)

Tarikh:

NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH)**LAPORAN TAMAT PROJEK**

A. NMRR ID:

TAJUK PROJEK:
.....
.....

NAMA KETUA PROJEK:
NO TELEFON.: NO FAKS:
E-mail:

TARIKH:TANDATANGAN:

B. RINGKASAN LAPORAN AKTIVITI PENYELIDIKAN
(sila nyatakan objektif projek, keputusan, penemuan dan impak projek)

C. PERUNTUKAN YANG DITERIMA

(sila senaraikan peruntukan yang diterima beserta sumber)

SUMBER PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)

D. PENCAPAIAN OBJEKTIF

- **Objektif projek asal**
(sila nyatakan objektif umum dan spesifik seperti yang dinyatakan di dalam proposal asal)

- **Objektif yang tercapai**
(sila nyatakan sejauh mana objektif projek telah dicapai dan dinyatakan di dalam terma yang boleh diukur)

- **Objektif yang tidak tercapai**
(sila nyatakan objektif yang tidak tercapai dan sebab-sebab ketidakcapaian)

E. PENGGUNAAN DAN IMPAK HASIL PENYELIDIKAN

Sila nyatakan penggunaan hasil penyelidikan (*bagaimana, di mana, bila, siapa, dsb.*)

F. Output

1. Bilangan Penerbitan:
(*sila senaraikan mengikut format seperti di bawah.*)

You CH, Lee KY, Chev RY, Menguy R (1980). Electrogastrographic study of patients with unexplained masses, bloating and vomiting. *Gastroenterology* 79(2):311-314.

Bil.	Tajuk
1.	
2.	
3.	

2. Bilangan Laporan:
(*sila senaraikan mengikut format seperti di bawah.*)

Public Health Institute, Ministry of Health. National Health and Morbidity Survey (1986-1987): Purpose, scope and methodology. Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.

Bil.	Tajuk
1.	
2.	
3.	

3. Bilangan Pembentangan (Oral):
(sila senaraikan mengikut format seperti di bawah.)

Mazlan AB, Kamal A, Susila R. Contribution of Health Research Towards National Health Development. Paper presented at the Health Research Seminar. Malaysia, Kuala Lumpur, July.

Bil.	Tajuk
1.	
2.	
3.	

4. Bilangan Pembentangan (Poster):.....
(sila senaraikan mengikut format seperti di bawah.)

Noraznawati I, Ho TM, Nathan S, Wan KL. Identification of recombinant clones of house dust mites, *S. pontifica*. Poster presented at 11th National Biotechnology Seminar, Malacca, November.

Bil.	Tajuk
1.	
2.	
3.	

5. Latihan
(sila nyatakan bilangan pegawai yang dilatih bagi setiap kategori di bawah.)

Kategori	Bilangan Pegawai
B.Sc atau setara	
M.Sc atau setara	
PhD atau setara	
Kursus pendek (Senaraikan nama kursus:)	
<i>Attachment training</i>	
Lain-lain (sila nyatakan)	

6. Harta Intelekt

Kategori	Bilangan
Paten telah diperoleh	
Paten belum selesai	
Permohonan paten untuk diisi	
Hak Cipta	

7. Kerjasama Penyelidikan

Kategori	Nama
Kerjasama dengan Institusi Penyelidikan Tempatan	1. 2. 3.
Kerjasama dengan Institusi Penyelidikan Antarabangsa	1. 2. 3.
Kerjasama dengan Industri Tempatan	1. 2. 3.
Kerjasama dengan Industri Antarabangsa	1. 2. 3.

8. Pengkomersilan (sila nyatakan jika hasil penyelidikan berpotensi untuk dikomersilkan. Jika pengkomersilan telah bermula, sila nyatakan aktiviti pengkomersilan yang telah dijalankan)